



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*CARDIOVASCULAR TECHNOLOGY*)
(M.13-14 EB.15)**

**JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH IKLAN: 30 OGOS 2025

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 13 SEPTEMBER 2025

BILANGAN IKLAN: 2025/AUG/01/KKS

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (*CARDIOVASCULAR TECHNOLOGY*)
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Cardiovascular Technology* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu memantau keselesaan pesakit semasa ujian-ujian diagnostik jantung dijalankan;
2. Menjelaskan prosedur ujian diagnostik jantung sebelum prosedur dijalankan;
3. Menyediakan laporan lengkap keputusan analisa ujian-ujian diagnostik jantung untuk tafsiran doktor dan pakar perubatan;
4. Mengendalikan dan membuat analisa ujian-ujian *Cardiac Implantable Electronic Device (CIED) interrogation, Holter Monitoring, Event Recorder Monitoring, 24 Hour Ambulatory BP monitoring (ABPM), Trans-thoracic Echocardiography (TTE)* dan *Treadmill Stress Test*;
5. Membantu doktor dan pakar perubatan menjalankan ujian *Dobutamine Stress Echocardiogram (DSE), Trans-oesophageal Echocardiogram (TOE)* dan *Tilt Table Test*;
6. Menyelaras dan mengawal peralatan mesin bagi ujian-ujian diagnostik jantung mengikut garis panduan piawaian dan protokol yang sudah disediakan;



7. Menjalankan prosedur pemeliharaan (*maintenance*) "trouble shooting" bagi semua peralatan ujian-ujian diagnostik jantung;
8. Membantu mengendalikan latihan dan kursus ulangkaji bagi kakitangan Unit Kardiologi dan penuntut-penuntut yang sedang menjalani penempatan di unit tersebut;
9. Membantu doktor dan pakar perubatan dalam menjalankan penyelidikan dan protokol klinikal jika diperlukan dari semasa ke semasa;
10. Memastikan inventori barang-barang keperluan ujian-ujian diagnostik jantung sentiasa mencukupi, teratur dan dalam keadaan baik;
11. Menyimpan semua data-data pesakit bagi tujuan penyelidikan dan audit;
12. Memasukkan semua keputusan ujian-ujian diagnostik jantung ke dalam BruHIMS;
13. Sebagai "leader" dan "developer" kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui unit / fungsi; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat	:	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel	:	recruitment.ahp@moh.gov.bn
No.Tel	:	2383020